UNIVERSITY OF MALAYA RESEARCH

# GARIS PANDUAN PERMOHONAN BANTUAN KHAS PENYELIDIKAN

<table>
<tr><td>PENGENALAN</td><td colspan="2">Selaras dengan matlamat Universiti Malaya untuk meningkatkan jumlah penerbitan dan pembangunan modal insan, Bantuan Khas Penyelidikan (BKP) diwujudkan untuk membantu kakitangan akademik/penyelidik yang tidak mempunyai sebarang geran atau sumber kewangan penyelidikan tetapi telah mempunyai infrastruktur dan peralatan untuk menjalankan kerja-kerja penyelidikan. Bagi memastikan kelestarian penyelidikan di Universiti Malaya, bantuan ini juga dipertimbangkan untuk penyelidik yang mempunyai geran penyelidikan yang hampir tamat dengan baki yang tidak mencukupi.</td></tr>
<tr><td>KELAYAKAN PEMOHON</td><td colspan="2">1. Peruntukan ini terbuka kepada kakitangan akademik Universiti Malaya selain daripada kakitangan akademik Pusat Kecemerlangan Penyelidikan (HiCOE, UMCOE dan Potential UMCOE).<br>2. Seorang penyelidik hanya dibenarkan memegang satu (1) geran BKP sahaja pada satu masa.</td></tr>
<tr><td rowspan="2">DANA PERUNTUKAN</td><td>Penyelidikan Bidang Sains & Teknologi<br>dan<br>Penyelidikan selain daripada Bidang Sains & Teknologi</td><td>RM 30,000 (maks) – Tahun pertama<br>RM 30,000 (maks) – Tahun kedua (pelanjutan) bergantung kepada kemajuan tahun pertama.</td></tr>
<tr><td colspan="2">Kelulusan permohonan dan pelanjutan adalah tertakluk kepada peruntukan setiap tahun dan baki yang ada.</td></tr>
<tr><td>TEMPOH PROJEK PENYELIDIKAN</td><td colspan="2">Tempoh maksimum yang dibenarkan adalah selama 12 bulan sahaja.</td></tr>
<tr><td>TARIKH BUKA DAN TUTUP PERMOHONAN</td><td colspan="2">Permohonan bagi geran ini adalah dibuka sepanjang tahun bergantung kepada peruntukan yang ada dan keutamaan diberikan kepada pemohon yang tidak mempunyai sebarang geran penyelidikan yang aktif.<br>Kelulusan adalah tertakluk kepada pertimbangan pihak pengurusan Institut Pengurusan & Perkhidmatan Penyelidikan (IPPP) di bawah struktur Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi).</td></tr>
</table>

<table>
<tr><td>SYARAT & PERATURAN PERMOHONAN</td><td colspan="2">Setiap pemohon perlu mematuhi syarat-syarat berikut:<br>1. Hanya satu (1) kali sahaja permohonan dibenarkan bagi setiap kakitangan.<br>2. Penyelidik tidak mempunyai geran yang aktif atau mempunyai geran aktif kurang daripada 3 bulan dan baki peruntukan kurang daripada RM 5,000 daripada jumlah keseluruhan peruntukan.<br>3. Geran ini tidak boleh dipindah milik kepada penyelidik lain.<br>4. Setiap pemohon perlu menamakan sekurang-kurangnya seorang Penyelidik Bersama bertaraf TETAP dari Universiti Malaya.</td></tr>
<tr><td>PROSES PERMOHONAN DAN PENILAIAN</td><td colspan="2">Setiap permohonan perlu dikemukakan (softcopy dan hardcopy) ke:<br>Pejabat Penolong Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)<br>Aras 7, Kompleks Pengurusan Penyelidikan & Inovasi</td></tr>
<tr><td rowspan="6">PERATURAN KEWANGAN<br>Semua urusan kewangan adalah tertakluk kepada Polisi Kewangan daripada Bendahari, Universiti Malaya.<br>Peruntukan yang dipohon bagi setiap vot hendaklah disenaraikan secara terperinci/lengkap dan dilampirkan sebutharga.</td><td>Vot 11000<br>Upah & Elaun untuk melantik Penolong Penyelidik Siswazah (GRA) atau Penolong Penyelidik (RA)</td><td>Upah dan elaun untuk membiayai seorang GRA atau RA warganegara Malaysia sahaja dengan mengikut Garis Panduan yang digunapakai oleh Universiti Malaya.</td></tr>
<tr><td>Vot 21000<br>Perjalanan dan Pengangkutan (40% maksima.)</td><td>Perbelanjaan perjalanan untuk menjalankan kerja lapangan dalam negeri sahaja yang dibenarkan menggunakan peruntukan ini.</td></tr>
<tr><td>Vot 24000<br>Sewaan</td><td>Sewaan hanya dibenarkan untuk bangunan, peralatan, pengangkutan dan barangan lain yang terlibat secara langsung dengan penyelidikan</td></tr>
<tr><td>Vot 27000<br>Bekalan dan Bahan Penyelidikan</td><td>Perbelanjaan bagi pembelian bekalan/bahan yang berkaitan dengan penyelidikan dengan jumlah maksimum RM 3000 sahaja.</td></tr>
<tr><td>Vot 28000<br>Baik pulih kecil dan Ubahsuai</td><td>Perbelanjaan bagi penyenggaraan peralatan sedia ada untuk memulakan projek penyelidikan.</td></tr>
<tr><td>Vot 29000<br>Perkhidmatan Ikhtisas</td><td>Vot ini hanya meliputi lain-lain perkhidmatan seperti sample characterization, advance data analysis dan pembayaran honorarium kepada pembantu bagi kerja-kerja jangka pendek di makmal / kerja lapangan.</td></tr>
</table>

<table>
<tr><td rowspan="2">LAPORAN PROJEK PENYELIDIKAN</td><td>Laporan Kemajuan</td><td>Laporan Kemajuan perlu dihantar dalam tempoh 8 bulan dari tarikh mula projek, ke alamat berikut:<br><br>Pusat Pengurusan Geran Penyelidikan<br>Institut Pengurusan & Perkhidmatan Penyelidikan (IPPP)<br>Aras 4, Kompleks Pengurusan Penyelidikan & Inovasi<br>Universiti Malaya</td></tr>
<tr><td>Laporan Akhir</td><td>Laporan Akhir penyelidikan perlu dihantar dalam tempoh 3 bulan selepas tarikh tamat projek, ke alamat berikut:<br><br>Pusat Pengurusan Geran Penyelidikan<br>Institut Pengurusan & Perkhidmatan Penyelidikan (IPPP)<br>Aras 4, Kompleks Pengurusan Penyelidikan & Inovasi<br>Universiti Malaya</td></tr>
<tr><td>PELANJUTAN TEMPOH PROJEK</td><td colspan="2">Setiap permohonan pelanjutan tempoh projek perlu dilampirkan bersama dokumen berikut:<br><br>(1) Laporan Kemajuan yang terkini.<br>(2) Maklumat aktiviti Penyelidikan bagi tujuan pelanjutan tempoh projek yang dipohon.<br>(3) Maklumat status Pencapaian Milestone (gantt chart) projek (berdasarkan milestone di dalam proposal asal).<br>(4) Bukti permohonan mana-mana geran penyelidikan luar (MOHE, MOSTI, Agensi Kerajaan, Sektor Swasta dan Antarabangsa).<br><br>Permohonan pelanjutan tempoh projek hanya akan dipertimbangkan bagi projek yang telah mencapai 50% prestasi projek dan 70% jumlah perbelanjaan peruntukan semasa.</td></tr>
</table>

| | |
|---|---|
| **HASIL PENYELIDIKAN** | Ketua Penyelidik perlu menerbitkan **sekurang-kurangnya satu (1) penerbitan dalam jurnal berwasit (ISI atau Scopus*)**. Penghargaan kepada geran BKP (No. geran) mestilah dinyatakan dengan jelas dalam setiap penerbitan.<br><br>Kegagalan pemohon untuk mengemukakan bukti penerbitan Jurnal ISI yang berserta dengan no. geran akan menjejaskan permohonan peruntukan penyelidikan daripada Universiti Malaya pada masa akan datang.<br><br>Bukti penerbitan perlu dikemukakan ke Pejabat Penolong Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) setelah ia diterbitkan (tidak semestinya dalam tempoh geran aktif).<br>* Untuk bidang bukan S&T sahaja. |

**PERAKUAN PEMOHON:**

Saya ____________________________________________ dari ____________________________________
(Nama) (Jabatan dan Fakulti)

faham dan akan mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan dalam Garis Panduan Bantuan Khas Penyelidkan termasuk prosedur kewangan yang digunapakai oleh Universiti Malaya

Yang benar,

____________________________________
**NAMA:**
**TARIKH:**